



# PROSEDUR

(Dikemaskini pada 9 Julai 2020)

1. PENYELIDIKAN
2. KHIDMAT MASYARAKAT DAN LAWATAN

**UNIT KAJIAN**

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN

JAKOA

[unitkajian@jako.gov.my](mailto:unitkajian@jako.gov.my)

## **PENYELIDIKAN**

### **PROSEDUR BAGI PERMOHONAN PENYELIDIKAN DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI ATAU FASILITI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)**

**(Tarikh kemaskini : 9 Julai 2020)**

1. Permohonan untuk melakukan penyelidikan hanya menggunakan **Borang Permohonan Kajian**. Borang berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web JAKOA di [www.jakoa.gov.my](http://www.jakoa.gov.my) dan klik pada **Informasi >Dokumen > Borang**.
2. Permohonan kajian yang dibuat secara berkumpulan hanya dibuat menerusi Pengurus Projek/ Ketua Projek.
3. Pemohon perlulah **menghantar borang permohonan kajian 14 hari awal dari tarikh sebelum menjalankan penyelidikan** di perkampungan Orang Asli atau di fasiliti JAKOA.
4. Sekiranya **penyelidikan berkaitan pendidikan** yang menggunakan fasiliti, data dan/atau pelajar Orang Asli fasiliti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pemohon perlu mengemukakan permohonan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM melalui pendaftaran atas talian, <http://eras.moe.gov.my> (sumber : <http://www.moe.gov.my>).
5. Sekiranya **penyelidikan berkaitan pendidikan tinggi** yang menggunakan fasiliti, data dan/atau pelajar Orang Asli fasiliti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pemohon perlu memohon kelulusan kajian terlebih dahulu daripada Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar, KPT.
6. Sekiranya **penyelidikan berkaitan kesihatan** yang menggunakan fasiliti, data dan/atau pesakit fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pemohon perlu didaftarkan secara atas talian di *National Medical Research Register* (NMRR) – <https://nmrr.gov.my> (sumber : Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 10/2015) . Manakala bagi kajian kesihatan tanpa perlu melalui NMRR, pemohon perlu mendapatkan surat kelulusan daripada lembaga etika penyelidikan yang berkaitan.

7. Bagi **pengkaji daripada Universiti Luar Negara**, pemohon perlu mendapatkan surat kelulusan kajian terlebih dahulu daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui e-mail, [oridb@epu.gov.my](mailto:oridb@epu.gov.my) atau talian telefon di 603-8872 3254.
8. Permohonan kajian yang lengkap mestilah disertakan dengan dokumen – dokumen seperti berikut:-
  - (a) **BORANG PERMOHONAN KAJIAN** – Borang permohonan bagi melakukan Kajian Penyelidikan di Perkampungan Orang Asli. **SILA SERTAKAN APPENDIX 1 YANG TELAH DITANDATANGANI**;
  - (b) **SURAT PENGESAHAN STATUS PELAJAR** daripada Universiti / Kolej;
  - (c) **CADANGAN PENYELIDIKAN** yang lengkap mengandungi, Bab 1: Pengenalan, Bab 2: Tinjauan Literatur dan Bab 3: Metodologi Penyelidikan
  - (d) **SURAT KELULUSAN KAJIAN BAGI PERKARA (4), (5), (6) ATAU (7)** bagi kajian berkaitan
9. Permohonan akan diproses dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh dokumen permohonan lengkap diterima. Semua kelulusan bagi melakukan program akan dimaklumkan melalui emel dan juga pos.
10. Setelah diluluskan, pemohon mestilah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Jabatan Kemajuan Orang Asli berhak membatalkan kelulusan jika mendapati pengkaji melanggar peraturan yang telah ditetapkan.
11. Satu naskah laporan/ tesis kajian dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* hendaklah diserahkan kepada :

**Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan**  
**Tingkat 3, Wisma Golden Eagle Realty**  
**142-C, Jalan Ampang,**  
**50450 Kuala Lumpur**  
**(U/P: Unit Kajian)**

12. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mail, [unitkajian@jako.gov.my](mailto:unitkajian@jako.gov.my) atau melalui telefon 03-21610577 ext 321 / 330.

## **KHIDMAT MASYARAKAT DAN LAWATAN**

### **PROSEDUR BAGI PERMOHONAN KHIDMAT MASYARAKAT DAN LAWATAN DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI (Tarikh kemaskini : 9 Julai 2020)**

1. Permohonan untuk melakukan penyelidikan hanya menggunakan **Borang Permohonan Khidmat Masyarakat / Lawatan**. Borang berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web JAKOA di [www.jakoa.gov.my](http://www.jakoa.gov.my) dan klik pada Informasi >Dokumen > Borang.
2. Permohonan yang dibuat secara berkumpulan hanya Pengurus Projek/ Ketua Projek yang perlu mengemukakan permohonan.
3. Pemohon perlulah menghantar borang permohonan **14 hari awal** dari tarikh sebelum menjalankan program khidmat masyarakat / lawatan.
4. Pemohon dinasihatkan supaya berhubung dengan pegawai JAKOA Daerah atau Negeri berkenaan terlebih dahulu. Ini adalah untuk memastikan bahawa Ketua (Tok Batin) dan masyarakat kampung berkenaan tiada halangan dan tidak berlaku pertindihan program lain pada waktu dan tempat yang dicadangkan.
5. Permohonan yang lengkap mestilah disertakan dengan dokumen – dokumen seperti berikut:-
  - (a) **BORANG PERMOHONAN KHIDMAT MASYARAKAT / LAWATAN** – Borang permohonan bagi melakukan Program Khidmat Masyarakat/ Lawatan Di Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia. **SILA SERTAKAN APPENDIX 1 YANG TELAH DITANDATANGANI;**

(b) **SURAT PENGESAHAN RASMI** daripada agensi/Syarikat/Universiti/Kolej /Pertubuhan NGO; dan

(c) **KERTAS KERJA RINGKAS** berkenaan Program yang ingin dijalankan.

6. Sekiranya program melibatkan pelajar Orang Asli atau premis di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pemohon perlulah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak KPM.

7. Sekiranya program melibatkan pemeriksaan kesihatan Masyarakat Orang Asli yang menjurus kepada penyelidikan klinikal, melibatkan pegawai / kakitangan atau dilaksanakan di premis Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pemohon perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak KKM.

8. Permohonan akan diproses dalam tempoh **3 hari bekerja** dari tarikh dokumen permohonan lengkap diterima. Semua kelulusan bagi melakukan program akan dimaklumkan melalui emel dan juga pos.

9. Setelah diluluskan, pemohon mestilah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Jabatan Kemajuan Orang Asli berhak membatalkan program Khidmat Masyarakat/Lawatan jika pihak penganjur didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

10. Satu laporan program hendaklah diserahkan kepada :

**Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan**

**Tingkat 3, Wisma Golden Eagle Realty,**

**142-C, Jalan Ampang,**

**50450 Kuala Lumpur**

**(U/P: Unit Kajian)**

11. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mail, [unitkajian@jako.gov.my](mailto:unitkajian@jako.gov.my) atau melalui telefon 03-21610577 ext 321 / 330.